

KONSEP KESEJAHTERAAN KELUARGA MENURUT HADIS AL-SA‘ADAH

Wan Mohd Yusuf Wan Chik¹, Abdul Wahab Md. Ali², Ahmad Jazlan Jusoh²,
Abdullah Alqari Mohd Zabudin²

¹*Research Institute for Islamic Products & Malay Civilization, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia*

²*Faculty of Islamic Contemporary Studies, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia*

Penulis koresponden: Abdul Wahab bin Md. Ali
abdulwahabmdali@yahoo.com

Abstrak: Pengenalan: Pembinaan sebuah institusi kekeluargaan yang sejahtera merupakan satu aspek yang penting dalam Islam. Kefahaman berhubung perkara ini telah dijelaskan dalam banyak ayat al-Quran dan hadis Nabi s.a.w. Antara hadis yang menyentuh secara terperinci berhubung kesejahteraan dalam keluarga ialah hadis al-Sa‘ādah. Kegagalan memahami konsep asas dalam kesejahteraan keluarga ini boleh menimbulkan implikasi yang negatif seperti permusuhan, pergaduhan, kebencian dan seterusnya membawa kepada perceraian. Objektif: Justeru kajian ini akan membuat analisis kandungan terhadap penulisan-penulisan Islam yang menghuraikan hadis al-Sa‘ādah ini. Metodologi: Kajian bersifat kualitatif ini menggunakan metod induktif, deduktif serta komparatif. Dapatkan: Hasilnya, kajian mendapati bahawa terdapat empat aspek utama yang menjadi penyumbang ke arah kesejahteraan iaitu wanita solehah, rumah yang lapang, tunggangan yang baik dan jiran yang baik. Selain itu, empat unsur kesengsaraan dalam keluarga iaitu wanita yang buruk akhlaknya, rumah yang sempit, tunggangan yang buruk dan jiran yang buruk. Kesimpulan: Walaupun kajian ini hanya mendatangkan sebahagian elemen kesejahteraan, ia sudah cukup membuktikan bahawa Islam adalah sebuah agama yang sangat syumul dengan aturan-aturan hidup lengkap dan sempurna.

Kata Kunci- Kesejahteraan, Keluarga, Hadis al-Sa‘ādah

Abstract: Introduction: Establishing a happy family is imperative in Islam. This had been explained in the al-Quran and hadith of the prophet PBUH. Among the hadith that meticulously talk about family happiness is hadith al-Sa‘ādah. Failure in understanding the basic concept of family happiness will bring about negative implication such as animosity, fighting, hostility and eventually lead to divorce. Objective: This paper will analyze books, papers and writings by Islamic scholars in explaining hadith al-Sa‘ādah. Methodology: This paper will use inductive, deductive and comparative methods. Findings: This paper finds that there is four main contributors to happiness in family which are pious woman, spacious home, comfortable mount and exemplary neighbor. From the other end of the spectrum, four main contributors to one's miseries are immoral woman, confined house, inadequate mount and inept neighbor. Conclusion: Although this paper only came with part of happiness elements, it is enough to prove that Islam is a very thorough religion with complete teachings on leading a filled and content life.

Keywords- Happiness, Family, Hadeeth al-Sa‘ādah

Pendahuluan

Islam adalah satu sistem hidup yang diturunkan oleh Allah s.w.t. untuk seluruh manusia. Ia merangkumi setiap perkara dalam kehidupan serta memenuhi kehendak jasmani dan rohani manusia. Antara aspek yang sangat dititikberatkan dalam Islam adalah institusi kekeluargaan atau pembinaan keluarga Muslim.

Konsep Kesejahteraan Keluarga Menurut Hadis al-Sa'adah

Kesejahteraan keluarga boleh difahami menerusi kandungan al-Quran dan hadis Nabi s.a.w. al-Quran sebagai sumber utama kesejahteraan keluarga telah mengungkapkan kesejahteraan menerusi beberapa kalimah seperti *al-sa'adah*, *al-falāh*, *al-Fawz*, *al-Salm*, *ladhdhah*, *matā'*, *ni'mah*, *sakīnah*, *muṭmainnah*, *aflaha*, *amnu*, *salām*, *farihīn*, *yastabshir*, *su'idū*, *hayātan tayyibah* dan lain-lain (Hamzah Ya'qub, 1980). Al-Quran juga menyentuh soal kesejahteraan keluarga secara jelas menerusi beberapa surah tertentu seperti surah al-Nur, al-Ṭalaq, al-Baqarah, Ali Imran dan al-Nisa'. Masing-masing menyentuh daripada aspek-aspek yang berbeza serta saling menguatkan antara satu sama lain.

Selain ayat-ayat yang disebutkan sebelumnya, kesejahteraan keluarga juga dapat difahami menerusi hadis-hadis Nabi s.a.w. Hadis-hadis ini memainkan peranan yang sangat besar dalam menjelaskan dengan lebih terperinci dan khusus berhubung pemahaman terhadap ayat-ayat al-Quran yang mana kebanyakannya bersifat *ijmā'i* dan umum. Secara jujurnya, penulis tidak menemui mana-mana penulisan dalam kitab-kitab hadis silam dan kontemporari yang membahaskan secara khusus dan terperinci berhubung kesejahteraan keluarga.

Penulisan ini akan membahaskan konsep kesejahteraan keluarga secara umum serta secara terperinci menerusi kefahaman hadis *al-Sa'adah*. Penggunaan istilah hadis *al-Sa'adah* di sini adalah bertujuan untuk meringkaskan penulisan dan ia merujuk kepada lafadz *al-Sa'adah* yang digunakan dalam permulaan hadis tersebut.

Kesejahteraan Keluarga dalam Hadis Secara Umum

Secara umumnya, beberapa elemen utama dalam kesejahteraan keluarga dilihat wujud dalam kitab-kitab hadis secara tidak langsung. Justeru, ia boleh diperhatikan menerusi pengkategorian hadis dalam kitab-kitab hadis yang utama seperti *al-Muwaṭṭa'*, *Sahīh al-Bukhārī*, *Sahīh Muslim*, *Sunan Abu Dāwud*, *Sunan al-Tirmizi*, *Sunan al-Nasā'i*, *Sunan Ibn Mājah*, *Riyāḍ al-Salihīn* dan lain-lain.

Sebagai contoh, Imam Malik dilihat menyusun hadis-hadis dalam *al-Muwaṭṭa'* dengan susunan bab fiqh bermula dengan kitab solat dan berakhir dengan bab *al-jāmi'*. Terdapat beberapa perbahasan yang menjurus ke arah kekeluargaan Islam seperti bab akikah, faraid, pernikahan, perceraian dan penyusuan anak (Abu Abdullah, 1985). Begitu juga hadis-hadis dalam *Sahīh al-Bukhārī* yang mana disusun dengan gabungan empat metod berbeza iaitu susunan fiqh (seperti Imam Malik), susunan tafsir (seperti Ibn Jurayh), susunan sirah (seperti Ibn Ishāq) dan susunan adab (seperti Ibn Mubārak) (Rif'at Fawzi, 2008).

Imam Bukhari dilihat memulakan perbahasan dengan bab permulaan wahyu, iman, ilmu kemudian disusuli dengan bab-bab fiqh, sirah, peperangan, tafsir. Perbahasan selepas itu

Konsep Kesejahteraan Keluarga Menurut Hadis al-Sa'adah

dilihat lebih menjurus kepada kekeluargaan apabila beliau mendatangkan hadis tentang pernikahan, perceraian, nafkah, adab, hubungan silaturrahim dan adab meminta izin (Al-'Asqalāni, t.t.h.). Perbahasan yang hampir sama juga boleh dilihat dalam *Šahīh Muslim* yang mana beliau meletakkan beberapa bab berhubung kekeluargaan seperti bab pernikahan, penyusuan, perceraian, berbuat baik, menjaga hubungan dan adab (Al-Tawalbih, 2000).

Menurut Rif'at Fawzi (2008), kitab *Sunan Abu Dāwud*, *Sunan al-Tirmizi* dan *Sunan al-Nasā'i* menggunakan metodologi yang sedikit berbeza apabila dimulakan perbahasan dengan permasalahan fiqh kemudian diakhiri dengan perbahasan bukan fiqh seperti permasalahan adab, ilmu, tafsir, sirah dan lain-lain. *Sunan Ibn Mājah* pula membahaskan berhubung permasalahan umum dahulu seperti keutamaan sunnah, kelebihan hadis, keimanan dan kelebihan para sahabat sebelum memasuki permasalahan fiqh. Al-Nasa'i (1991) meletakkan satu bab khusus iaitu bab 'Ishrah al-Nisa' (pergaulan wanita) yang memuatkan hadis-hadis tentang wanita dan keluarga. Para ilmuwan sesudahnya mentahkik hadis-hadis dalam bab ini dan menerbitkan secara berasingan.

Rumusannya, perbahasan dalam kitab-kitab hadis di atas yang menyentuh aspek kekeluargaan Islam adalah tidak banyak berbeza antara satu sama lain iaitu melalui perbahasan seperti bab pernikahan, penyusuan, perceraian, nafkah, berbuat baik, menjaga hubungan, faraid, adab, meminta keizinan, pergaulan dalam rumah tangga dan lain-lain.

Kesejahteraan Keluarga Menurut Hadis al-Sa'adah

Dalam beberapa hadis, Nabi s.a.w. ada menyenaraikan secara jelas berhubung aspek-aspek kesejahteraan dalam sebuah keluarga Muslim. Muhammad bin Saad bin Abi Waqqas meriwayatkan daripada ayahnya bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ سَعْدٍ بْنِ أَبِي وَقَاصٍ ، عَنْ أَبِيهِ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِنَّ مِنَ السَّعَادَةِ الرَّوْجَةَ الصَّالِحَةَ
وَالْمَسْكَنُ الصَّالِحُ ، وَالْمَرْكَبُ الصَّالِحُ ، وَإِنَّ مِنَ الشَّقَاءِ الرَّوْجَةَ السُّوءُ ، وَالْمَسْكَنُ السُّوءُ ، وَالْمَرْكَبُ السُّوءُ

Maksudnya:

Daripada Muhammad bin Sa'ad bin Abi Waqqas daripada ayahnya berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda: Sesungguhnya antara perkara yang membahagiakan itu ialah tunggangan yang baik, tempat tinggal yang selesa dan isteri yang solehah. Antara perkara yang menyeksakan ialah kenderaan yang buruk, tempat tinggal yang tidak selesa, dan isteri yang buruk (perangainya) (Riwayat Ṭabarāni, Bab Iqram al-Quraysh wa Ghayr Dzalik, jil. 1, ms. 146, no. 329).

Konsep Kesejahteraan Keluarga Menurut Hadis al-Sa'adah

Selain riwayat Tabrāni ini, terdapat beberapa lagi hadis yang diriwayatkan dengan matan yang sedikit berbeza. Meskipun hadis-hadis ini diriwayatkan dengan jalur riwayat yang pelbagai, namun kesemuanya menjurus kepada maksud yang sama. Sebagai contoh hadis yang diriwayatkan daripada Nāfi' bin 'Abd al-Hārith r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

ثلاث من السعادة وثلاث من الشقاوة : المرأة تراها تعجبك ، وتغيب فتأمنها على نفسها ومالك ، والدابة تكون وطينة فتلحقك بأصحابك ، والدار تكون واسعة كثيرة المرافق ، ومن الشقاوة : المرأة تراها فتسوءك ، وتحمل لسانها عليك ، وإن غبت عنها لم تأمنها على نفسها ومالك ، والدابة تكون قطوفا فإن ضربتها أتعبتاك ، وإن تركتها لم تلحقك بأصحابك ، والدار تكون ضيقة قليلة المرافق

Maksudnya:

Terdapat tiga perkara yang membahagiakan dan tiga perkara yang menderitakan. Antara kebahagiaan itu ialah wanita (isteri) yang jika kamu lihatnya, kamu akan berasa taajub. Jika dia tiada di depan mata, dia boleh menjaga dirinya dan hartamu. Binatang yang baik yang mana boleh membuat kamu bergerak seiringan dengan teman-teman kamu. Rumah yang luas yang mempunyai keperluan dan kemudahan (utiliti dan fasiliti) yang mencukupi. Antara perkara yang menderitakan ialah wanita (isteri) yang jika kamu memandangnya, jiwa terasa tidak tenang, lidahnya sentiasa berkata sesuatu yang tidak elok terhadapmu, jika kamu tiada di sampingnya, kamu berasa bimbang akan dirinya dan hartamu. Binatang yang lambat bergerak, jika kamu pukulnya kamu akan keletihan sebaliknya jika kamu membiarkannya kamu akan ketinggalan di belakang. Rumah yang sempit dan tiada kemudahan asas (Riwayat Hākim, Kitab al-Nikāh, jil. 2, ms. 175, hadis no. 2684).

Hadis kedua ini telah menjelaskan sebahagian maksud umum daripada hadis yang pertama berhubung tiga elemen kesejahteraan. Manakala dalam beberapa hadis yang lain pula ada disebutkan ciri yang keempat iaitu jiran yang baik. Contohnya sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Sa'ad bin Abi Waqqas bahawa Rasullah s.a.w. bersabda:

أَرْبَعٌ مِّنَ السُّعَادَةِ : الْمَرْأَةُ الصَّالِحَةُ ، عَنْ سَعْدِ بْنِ أَبِي وَقَاصٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَالْمَسْكُنُ الْوَاسِعُ ، وَالْجَارُ الصَّالِحُ ، وَالْمَرْكُبُ الْهَنْيَاءُ ، وَأَرْبَعٌ مِّنَ الشَّقَاوَةِ : الْجَارُ السُّوءُ ، وَالْمَرْأَةُ السُّوءُ ، وَالْمَسْكُنُ الضَّيقُ ، وَالْمَرْكُبُ السُّوءُ

Maksudnya:

Daripada Sa'ad bin Abi Waqqas berkata, Rasulullah s.a.w. bersabda: "Empat perkara yang membahagiakan ialah wanita yang solehah, kediaman yang lapang, jiran yang soleh dan kenderaan yang selesa. Manakala empat perkara yang menyeksakan ialah jiran yang buruk

Konsep Kesejahteraan Keluarga Menurut Hadis al-Sa'adah

(perangainya), wanita yang buruk (perangainya), kediaman yang sempit dan tunggangan yang buruk (Riwayat Ibn Ḥibbān, Kitab al-Nikah, Bab Zikr al-Ikhbar ‘an al-Ashya’ Allati Hiya min Sa‘adah al-Mar’iy fi al-Dunya, jil. 9, ms. 340, no. hadis 4032).

Secara literalnya, hadis-hadis di atas menyebutkan tentang kebahagiaan, kesejahteraan dan keselesaan hidup di dunia yang mana terdiri daripada aspek-aspek fizikal dan mental seperti wanita solehah, rumah yang lapang, tunggangan yang baik, dan jiran yang baik. Hadis juga menyebutkan unsur-unsur kesengsaraan dalam keluarga seperti wanita yang buruk, rumah yang sempit, tunggangan yang buruk dan jiran yang buruk.

Pun begitu, hadis ini juga boleh difahami dengan maksud-maksud yang tersirat berdasarkan isyarat-isyarat yang ada dalam ayat bersesuaian dengan tuntutan-tuntutan semasa. Sememangnya terdapat kaedah dalam Islam yang membenarkan tafsiran sesuatu dengan keluasan maknanya. Antara kaedah tersebut ialah kaedah umum seperti *العبرة بالحقائق والمعاني لا بالأسماء والمباني* (pengajaran diambil dengan hakikat dan makna bukannya pada nama), kaedah *العبرة بالسميات لا بالأسماء* (pengajaran dengan perkara yang dinamakan bukan pada nama), *بعنوم اللفظ لا بخصوص السبب* (pengajaran dengan lafaz umum bukan dengan sebab yang khusus) dan *لا مُشائحة في الاصطلاح* (tiada perselisihan dalam memahami istilah. Sebahagian besarnya dijelaskan oleh al-Shāṭibi (1997) dalam kitabnya. Secara lebih terperinci, Zaydan (2009) telah membahaskan berhubung konsep ‘*ibārah al-naṣ*, *ishārah al-naṣ* dan *dilālah al-Naṣ* dalam penulisannya.

Justeru,uraian terhadap empat ciri utama yang disebutkan dalam hadis-hadis sebelum ini adalah sebagaimana berikut:

Wanita Solehah

Al-Munawi (1937) menafsirkan *wanita solehah* dalam hadis riwayat al-Hakim dengan maksud seorang wanita yang beragama, menjaga kehormatan diri dan berasa taajub apabila melihatnya. Maksud *menjaga dirinya* pula ialah tidak mengkhianati suaminya dengan melakukan zina, hubungan sesama wanita (lesbian), bersolek yang melampau dan sebagainya. Maksud *menjaga hartanya* pula ialah dengan tidak mengkhianati, mencuri dan membazirkan harta suami.

Secara umumnya, pandangan Islam dalam memilih wanita untuk dijadikan isteri adalah merujuk kepada tujuan umum daripada perkahwinan itu sendiri iaitu bukan sekadar untuk melepaskan hawa nafsu atau kebendaan semata-mata bahkan yang lebih utama untuk tujuan kejiwaan, kerohanian dan ketenangan (Paizah Haji Ismail, 1991). Hakikatnya, Nabi s.a.w. sendiri mengiktiraf wanita solehah sebagai sebaik-baik perhiasan dunia sebagaimana disebutkan dalam hadis riwayat ‘Abdullah bin ‘Amr iaitu:

الدنيا متع وخير متع الدنيا المرأة الصالحة

Maksudnya:

Dunia itu perhiasan dan sebaik-baik perhiasan adalah wanita solehah (Riwayat Muslim, Kitab al-Nikāh, Bab Khayr Matā' al-Dunya al-Mar'ah al-Šālihah, jil. 2, ms. 1090, no. 1467).

Pemilihan wanita untuk dijadikan isteri juga perlu berdasarkan akidah dan agama sebagaimana disebutkan dalam surah al-Baqarah ayat 221. Allah s.w.t. berfirman:

وَلَا تَنِكُحُوا الْمُشْرِكَتِ حَتَّىٰ يُؤْمِنَ وَلَا مُؤْمِنَةٌ خَيْرٌ مِّنْ مُشْرِكَةٍ وَلَوْ أَعْجَبْتُكُمْ

Maksudnya:

Dan janganlah kamu menikahi wanita-wanita musyrik, sebelum mereka beriman. Sesungguhnya wanita budak yang mukmin lebih baik dari wanita musyrik, walaupun dia menarik hatimu (Al-Baqarah: 221).

Ia dikukuhkan lagi dengan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. iaitu:

تُنْكِحُ الْمُرْأَةُ لِأَزْبَعٍ: لِمَالِهَا وَلِخَسِبِهَا وَلِجَمَالِهَا وَلِدِينِهَا: فَأَظْفَرْ بِذَاتِ الدِّينِ ثَرَبَثْ يَدَاكَ

Maksudnya:

Dinikahi wanita itu dengan empat sebab iaitu kerana hartanya, keturunannya, kecantikannya, dan agamanya. Maka pilihlah yang mempunyai agama nescaya lepas tanganmu (Riwayat Muslim, Kitab al-Nikāh, Bab Istiḥbāb Nikāh Dzāt al-Dīn, jil. 2, ms. 1080, no. 1467).

Dalam hadis lain disebutkan:

وَلَا تزوجوهن لأموالهن فعسى أموالهن أن تطغى بهن ولكن تزوجوهن لا تزوجوا النساء لحسنهن فعسى حسنهن أن يرديهن
دين أفضل على الدين ولامة خرماء سوداء ذات

Maksudnya:

Jangan kamu nikahi perempuan kerana kecantikan mereka, kerana boleh jadi kecantikan itu boleh menjerumuskan mereka sendiri. Dan jangan kamu nikahi mereka kerana harta mereka kerana boleh jadi harta itu membuat mereka derhaka. Akan tetapi nikahilah mereka kerana agama (Riwayat Ibn Majah, Kitab al-Nikāh, Bab Tazwīj Dzāt al-Dīn, jil.3, ms. 63, no.1859).

Konsep Kesejahteraan Keluarga Menurut Hadis al-Sa'adah

Hadis riwayat Muslim dan riwayat Ibn Majah dilihat turut menyebutkan beberapa ciri yang lain selain agama iaitu harta, keturunan dan kecantikan. Apa yang telah disebutkan ini adalah sifat-sifat biasa yang dijadikan asas pemilihan seorang isteri justeru Nabi s.a.w. memberi penekanan terhadap aspek terpenting iaitu agama (Paizah Haji Ismail, 1991). Individu yang menjadikan agama sebagai asas pemilihan isteri boleh menjamin kesejahteraan rumah tangganya. Wanita yang tidak mempunyai asas agama yang kukuh, akan menyeleweng daripada kewajipannya.

Pun begitu, hadis tersebut tidaklah menolak pemilihan seseorang wanita berdasarkan aspek-aspek yang lain seperti aspek kecantikan cuma sekadar membahaskan tentang prioriti atau keutamaan. Sebagai contoh, aspek kecantikan atau ‘sedap mata memandang’ juga ada disebutkan dalam hadis *al-Sa'adah* dan hadis tentang pemilihan calon isteri. Nabi s.a.w. sendiri menggalakkan seseorang melihat pasangan dalam ketika pertunangan. Sabda Nabi s.a.w.:

اذهب فانظر إليها فإنه أخرى أن يؤدم ببنكما

Maksudnya:

Pergi dan lihatlah kepadanya. Sesungguhnya ia lebih baik agar timbul ketenangan antara kamu (Riwayat Tirmizi, Kitab al-Nikāh, Bab al-Naṣar ilā al-Makhtūbah, jil. 3, ms. 389, no. 1087).

Dalam riwayat lain ada disebutkan:

فاذهب فانظر إليها فإن في أعين الأنصار شيئاً

Maksudnya:

Pergi dan lihatlah kepadanya. Sesungguhnya pada mata Ansar ada sesuatu (Riwayat Muslim, Kitab al-Nikāh, Bab Nadb al-Naṣar ilā Wajh al-Mar'ah wa Kaffayha, jil. 2, ms. 1040, no. 1424).

Ciri-ciri wanita solehah juga boleh difahami melalui jawapan Nabi s.a.w. ketika ditanya tentang sifat wanita yang baik iaitu memberikan ketenangan kepada suami, patuh dan tidak melakukan perkara yang dibenci. Sabda Nabi s.a.w.:

التي تسره إذا نظر و تطيعه إذا أمر و لا تخالفه في نفسها و لا ماله بما يكره

Maksudnya:

Yang menggembirakan dia apabila dia melihat dan patuh apabila dia menyuruh dan yang tidak melakukan sesuatu yang dibenci oleh suaminya, sama ada dengan dirinya dan dengan hartanya (Riwayat Nasa'i, Kitab al-Nikāh, Bab Ayyu Nisā' Khayr, jil.6, ms. 68, no. 3231).

Dalam soal pemilihan isteri juga, Islam sangat menitikberatkan faktor kesuburan. Ini ditegaskan oleh Nabi s.a.w. tentang seorang lelaki yang ingin berkahwin dengan wanita yang cantik dan mempunyai kedudukan yang baik tetapi mandul. Perbahasan yang lebih luas dan terperinci berhubung ciri-ciri isteri yang baik boleh didapati dalam kitab *al-Munakahat* bab pemilihan calon isteri. Begitu juga dalam kitab kekeluargaan Islam dan kitab pendidikan anak-anak.

Sabda Nabi s.a.w.:

تزوجوا الودود الولود فاني مكاثر بكم الأنبياء، أو قال: الأم

Maksudnya:

Kahwinilah wanita yang penyayang dan subur kerana sungguhnya aku inginkan umat yang banyak (Riwayat Nasa'i, Kitab al-Nikāh, Bab al-Nahyu 'ān Tazwīj al-Mar'ah alllati la Talid, jil.6, ms. 68, no. 3227).

Seterusnya dalam konteks kekeluargaan atau kemasyarakatan yang lebih luas, wanita solehah juga boleh difahami dengan maksud seorang wanita yang memiliki syakhsiah dan keperibadian Muslimah yang sejati serta memahami peranannya di dunia ini sebagai seorang hamba Allah, manusia, anak, isteri, ibu, menantu atau mentua, sahabat, jiran, saudara dan anggota masyarakat (Al-Hāshimi, 2009).

Jika hadis ini dibahaskan dalam konteks kebahagiaan seorang lelaki Muslim yang memerlukan seorang wanita yang baik, dari sudut sebaliknya ia juga boleh difahami dalam konteks kebahagiaan seorang wanita Muslimah yang memerlukan seorang lelaki yang baik. Justeru ia merangkumi keperluan setiap individu sama ada lelaki mahupun wanita untuk memiliki pasangan yang baik dalam membentuk sebuah keluarga yang sejahtera.

Rumah yang Lapang

Rumah yang lapang dan selesa adalah sebahagian punca kebahagiaan dalam keluarga. Ini disebutkan dengan jelas dalam hadis *al-Sa'adah* dengan beberapa istilah seperti *rumah yang luas*' dan '*rumah yang mempunyai keperluan dan kemudahan yang mencukupi*'. Ia turut disokong oleh beberapa hadis yang lain, antaranya hadis yang berbunyi:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَعَا فِي لَيْلَةٍ وَقَالَ :
(اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذَنْبِي، وَوَسِّعْ لِي فِي دَارِي ، وَبَارِكْ لِي فِيمَا رَزَقْتَنِي)

Maksudnya:

Dari pada Abu Hurairah r.a. sesungguhnya Rasulullah s.a.w. telah berdoa pada suatu malam: "Ya Allah, ampunilah bagiku akan dosaku, luaskanlah (lapang) bagiku di rumahku, berkatilah bagiku pada setiap yang engkau kurniakan padaku (Riwayat Tirmizi, Kitab al-Nikāh, Bab al-Mujallad al-Khāmis, jil. 5, ms. 405, no. 3500).

Menurut al-Munāwi (1937), rumah yang luas dalam hadis ini boleh membawa dua pengertian sama ada rumah ketika hidup di dunia yang luas ruangnya dan melapangkan dada seseorang atau rumah sesudah mati iaitu kubur yang luas. Secara asasnya, Allah s.w.t. banyak menyebut perihal rumah dalam al-Quran. Kalimah rumah dalam al-Quran memberikan kepada kita beberapa pemahaman berhubung konsep tempat tinggal atau penempatan yang terbaik bagi sebuah keluarga Muslim. Sebagai contoh, dalam surah al-Nahl ayat 80 Allah s.w.t. berfirman:

وَاللَّهُ جَعَلَ لَكُم مِّنْ بُيُوتِكُمْ سَكَناً

Maksudnya:

Dan Allah menjadikan bagimu rumah-rumahmu sebagai tempat tinggal.. (Al-Nahl: 80).

Al-Sha'rāwi (t.t.h.) ketika mengulas kalimah 'سكننا' (tempat tinggal) dalam ayat ini menyatakan bahawa kalimah itu diambil daripada kalimah 'السكون' 'الحركة' iaitu tetap dan diam yang merupakan antonim kepada 'الحركة' iaitu pergerakan. Justeru, sebuah rumah itu dinamakan tempat tinggal atau penempatan kerana seorang insan akan kembali kepadanya untuk berehat selepas melakukan pergerakan hidup yang banyak di luar rumah. Lazimnya di luar rumah kita

melakukan banyak aktiviti dan pergerakan berbanding di dalam rumah. Atas dasar itu, rumah turut digelar sebagai ‘سَاكِنُ الْقَلْبِ’ iaitu penetap kepada sesuatu yang bergerak.

Perhatikan pula kepada sambungan kepada surah al-Nahl ayat 80 tadi yang mana Allah s.w.t. turut menyebutkan tentang rumah tetapi tidak disebutkan pada penghujungnya dengan kalimah ‘سكن‘ (tempat tinggal). Firman Allah s.w.t.:

وَجَعَلَ لَكُم مِّنْ جُلُودِ الْأَنْعَمِ بُيُوتًا تَسْتَخْفُونَهَا يَوْمَ ظَعْنَكُمْ وَيَوْمَ إِقَامَتِكُمْ وَمِنْ أَصْوَافِهَا وَأَوْبَارِهَا
وَأَشْعَارِهَا أَثْثَرًا وَمَتَعًا إِلَى حِينٍ

Maksudnya:

..Dan dia menjadikan bagi kamu rumah-rumah daripada kulit binatang ternak yang kamu berasa ringan (membawa)nya pada waktu kamu berjalan dan waktu kamu bermukim dan (dijadikan-Nya pula) daripada bulu domba, bulu unta dan bulu kambing, alat-alat rumah tangga dan perhiasan (yang kamu pakai) sampai waktu (tertentu) (Al-Nahl: 80).

Menurut Al-Sha‘rawi (t.t.h.) lagi, Allah s.w.t. tidak merangkumkan kalimah rumah dalam ayat ini dengan kalimah ‘السكن‘ kerana pada permulaan ayat diceritakan tentang sebuah rumah yang sempurna sebagai sebuah tempat tinggal, tempat kediaman serta sebuah tempat penempatan tetap yang mana memenuhi aspek keperluan sebuah rumah. Ia terdiri daripada kelengkapan air, makanan, pengudaraan, perkhidmatan, dan sebagainya. Adapun rumah dalam ayat kedua ini lebih berbentuk khemah sementara yang biasanya digunakan oleh orang Badwi atau orang yang hidup nomad. Ia tidak digelar sebagai tempat penempatan tetap serta tidak memenuhi keperluan yang sewajarnya. Justeru, elemen rumah yang baik bagi orang Islam ialah sebuah rumah itu perlulah memenuhi segala keperluan objektif dan subjektif yang diperlukan.

Penggunaan kalimah ‘السكن‘ bukan sahaja mewakili tempat tinggal bahkan ia turut merujuk kepada ketenangan dan ketenteraman. Justeru ia juga boleh merujuk kepada sesuatu yang subjektif atau maknawi sebagaimana firman Allah s.w.t. ketika menceritakan hak-hak dalam perkahwinan dalam surah al-Rum ayat 2. Seorang suami mahupun isteri masing menjadi punca ketenangan dan ketenteraman sesama mereka atau digelar sebagai ‘سَاكِنُ الْقَلْبِ’ iaitu penenang kepada hati (Al-Sha‘rawi, t.t.h.).

Justeru, dapat difahami daripada perbahasan ini suatu pembahagian baharu dalam istilah rumah atau tempat tinggal iaitu tempat tinggal yang umum serta tempat tinggal yang

khusus. Tempat tinggal yang umum merangkumi keperluan hakiki dan objektif manakala tempat tinggal khusus yang turut memenuhi aspek maknawi dan subjektif iaitu *al-sakenah*, *al-mawaddah* dan *al-rahmah*. Menurut Sa'īd Ḥawwa (1988), segala perkara ini walaupun dilihat kecil dan remeh pada pandangan mata seseorang, tetapi ia dipandang besar pada pandangan syarak terutamanya perkara yang melibatkan kesahan, penerimaan dan keberkatan dalam amalan dan ibadat ahli keluarga.

Termasuk dalam rumah yang baik juga ialah rumah yang melindungi hak-hak setiap penghuninya termasuklah hak-hak anak yatim. Al-Bayhaqi meriwayatkan daripada Umar r.a. bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

أَحَبُّ بَيْوَنَكُمْ إِلَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ بَيْتٌ فِيهِ يَتِيمٌ مَكْرُمٌ

Maksudnya:

Rumah yang paling dicintai Allah adalah rumah yang di dalamnya terdapat anak yatim yang dimuliakan (Riwayat al-Bayhaqi, Bab Rahm al-Saghir wa Tawqir al-Kabir, jil. 13, ms. 391, no. 10520).

Dalam hadis yang lain, Nabi s.a.w. bersabda:

خَيْرُ بَيْتٍ فِي الْمُسْلِمِينَ بَيْتٌ فِيهِ يَتِيمٌ يَحْسُنُ إِلَيْهِ

Maksudnya:

Rumah terbaik di dalam tubuh kaum Muslimin ialah rumah yang di dalamnya terdapat anak yatim yang dilayan dengan baik (Riwayat al-Bayhaqi, Bab Rahm al-Saghir wa Tawqir al-Kabir, jil. 13, ms. 391, no. 10521).

Menurut al-Sha'rawi (t.t.h.), walaupun pada realitinya kita membina, merangka, membuat pelan dan sebagainya namun segala bahan untuk pembinaan adalah hasil-hasil daripada bumi Allah. Begitu juga kepakaran untuk membinanya adalah dengan bantuan akal yang diberikan oleh Allah s.w.t.. Di sinilah hikmah mengapa Allah menyebutkan pada permulaan ayat dengan ‘*dan Allah menjadikan bagimu rumah-rumahmu*’ sedangkan kita yang membinanya sendiri. Maksud kejadian itu ialah (جعل غير مباشرا) iaitu kejadian secara tidak langsung dengan bantuan keupayaan dan hasil yang ada pada ciptaan Allah.

Dalam konteks yang lebih luas, kalimah ‘rumah yang lapang’ dalam hadis bukan sahaja boleh merujuk kepada keadaan rumah yang luas dan selesa atau dari segi objektif dan subjektif tetapi boleh merujuk kepada elemen-elemen lain seperti persekitaran dalaman rumah dan persekitaran di luar rumah. Contoh persekitaran dalaman rumah ialah keluasan rumah, tahap

kebersihan dan kekemasan rumah, susun atur barang dalam rumah, bilangan bilik, kemudahan atas rumah, bentuk rumah, dan perhiasan dalam rumah. Contoh persekitaran luaran rumah pula ialah keluasan kawasan rumah, kebersihan dan kekemasan halaman rumah dan perhiasan di luar rumah.

Tunggangan yang Baik

Al-Munawi (1937) menyatakan bahawa maksud *tunggangan yang baik* ialah tunggangan yang memudahkan yang menyampaikan seseorang ke tempat yang diingini dengan mudah dan baik tanpa letih dan masalah. Ia membuatkan seseorang lebih selesa dan tenang untuk mengingati Allah ketika bergerak dan bermusafir. Berbeza dengan tunggangan yang buruk, ia akan meletihkan, seseorang tidak dapat sampai ke tempat yang diingini dengan mudah dan lancar, menyebabkan ketinggalan dalam satu-satu perjalanan serta membuatkan seseorang susah untuk mengingati Allah dan membaca al-Quran. Al-Taħāwi (1994) pula menyatakan bahawa maksud '*markab al-hani'* ialah tunggangan yang mampu menghilangkan kesibukan di dalam hati. Orang yang menunggang itu sama ada dua keadaan sama ada sibuk berzikir kepada Allah atau sibuk hatinya memikirkan keadaan tunggangannya.

Justeru, apa yang dimaksudkan dalam hadis ini ialah semua yang boleh dinaiki sama ada binatang seperti kuda, baghal, keldai, unta sebagaimana firman Allah s.w.t. dalam surah al-Nahl ayat 8:

وَالْخَيْلَ وَالْبِغَالَ وَالْحَمِيرَ لِتَرْكُبُوهَا وَرِزْيَتَهُ وَيَخْلُقُ مَا لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya:

Dan (Allah menjadikan) kuda dan baghal serta keldai untuk kamu menunggangnya, dan untuk menjadi perhiasan; dan Dia menjadikan apa yang kamu tidak mengetahuinya (Al-Nahl: 8).

Termasuk juga di dalamnya ialah sampan atau kapal. Sebagaimana firman Allah s.w.t. dalam surah Ibrahim ayat 32:

وَسَخَّرَ لَكُمُ الْفَلْكَ لِتَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِأَمْرِهِ

Maksudnya:

Dan Dia yang memberi kemudahan kepada kamu menggunakan kapal-kapal untuk belayar di laut dengan perintah-Nya, juga yang memudahkan sungai-sungai untuk kamu (mengambil manfaat daripadanya) (Ibrahim: 32).

Kenderaan yang terdapat pada zaman kini juga termasuk dalam kefahaman hadis di atas. Ia bersesuaian dengan tuntutan serta maksud sebenar di sebalik hadis tersebut iaitu sebarang tunggangan yang memudahkan, menyampaikan kepada destinasi, menenangkan hati dan mengingatkan kepada Allah. Kenderaan yang baik, selamat, selesa dan kemas juga merupakan antara aspek yang sangat diperlukan bagi seseorang Muslim. Antara hadis yang menegaskan keperluan ini ialah sebuah hadis yang berbunyi:

إِنَّكُمْ قَادِمُونَ عَلَى إِخْرَانِكُمْ، فَأَصْلِحُوا رَحَالَكُمْ حَتَّى تَكُونُوا شَامَةً فِي النَّاسِ، إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْفُحْشَ وَالْمُنْكَرَ

Maksudnya:

Kamu akan mendatangi saudara kamu maka perelokkanlah pakaianmu dan perelokkanlah kenderaanmu sehingga kamu menjadi terserlah pada pandangan mata orang lain. Sesungguhnya Allah tidak suka perkara keji dan hina (Riwayat Abu Dawud, Bab Isbal al-Ízār, jil. 4, ms. 57, no. 4089).

Menurut Sa‘id Hawwa (1988), kalimah ‘perelokkanlah kenderaanmu’ jika disesuaikan dengan zaman moden ia merujuk kepada kereta kita yang mana ia turut digelar sebagai بيت الأنسان في الخارج atau ‘rumah seseorang ketika berada di luar’. Justeru, sebagaimana kita berusaha untuk menjaga kebersihan dan kekemasan rumah kita, sebegitulah kita perlu menjaga kebersihan dan kekemasan kenderaan kita.

Segala jenis unsur keselamatan yang lain seperti sistem jalan raya, kawalan trafik dan sebagainya juga boleh termasuk juga dalam kefahaman hadis ini kerana al-Munāwi (1937) menyebutkan bahawa antara ciri-ciri tunggangan yang baik ialah menyampaikan kepada tempat tujuan. Sebuah kenderaan yang baik tetapi kemudahan kemudahan infratrukturnya tidak baik tetap akan membahayakan keselamatan seseorang dan ahli keluarganya (Rohaizan Baru, 2016).

Kesimpulannya, dalam konteks yang lebih luas kalimah ‘tunggangan yang baik’ di dalam hadis boleh mewakili semua jenis tunggangan atau kenderaan sama ada di darat, laut mahupun udara, yang mempunyai beberapa elemen seperti kelajuan, keselamatan, keselesaan, kebersihan, kekemasan, perhiasan dalaman kenderaan dan unsur ketenangan ketika menaikinya. Ia juga boleh merangkumi beberapa elemen pelengkap seperti sistem jaringan jalan raya dan kawalan trafik yang selamat dan baik.

Jiran yang Baik

Secara asasnya, jiran adalah merujuk kepada orang yang berada berdekatan (Majma‘ al-Lughah al-‘Arabiyyah, 1980). Ibn Manzūr (2003) mendefinisikannya dengan seseorang yang berada berdekatan dari segi tempat tinggal, berkongsi bangunan atau perniagaan. Ia juga boleh bermaksud pasangan suami isteri. Menurut al-Zuhri, jiran ialah orang yang berada berdekatan dengan rumah kita sama ada di kanan, kiri, depan, belakang, atas, dan bawah dalam kadar 40 buah rumah dari setiap sudut (Al-Qāsimi, 2006).

Sebuah keluarga yang mempunyai jiran yang baik serta berada dalam kawasan kejiranan yang baik akan memperolehi kemudahan, kelapangan dan ketenangan jiwa. Islam sangat menekankan penjagaan hubungan seseorang dengan jirannya. Dalam sebuah hadis, Nabi s.a.w. bersabda:

مَا زَانَ جِبْرِيلُ يُؤْصِيْنِي بِالْجَارِ حَتَّىٰ ظَنِّثَ أَنَّهُ سَيُورَثَهُ

Maksudnya:

Jibril sentiasa mewasiatkan kepadaku supaya berbuat baik kepada jiran sehingga aku merasakan jiran itu akan mewarisi (kaum kerabat) (Riwayat Bukhari, Kitab al-Adab, Bab al-Wasāt bil Jār, jil. 8, ms. 10, no. 6015).

Terdapat banyak hadis yang menyebutkan tentang ciri-ciri jiran yang baik. Contohnya, berbakti dan memuliakan jirannya, tidak menyakitinya jirannya, inginkan jirannya mendapat kebaikan sepertinya, memberikan makanan yang dimasak kepada jirannya, tidak membiarkan jirannya kelaparan, tidak menghina jirannya, bersabar atas penghinaan dan dugaan daripada jirannya (Al-Hāshimi, 2009).

Al-Hāshimi (2009) juga menukikan beberapa hadis berhubung hak-hak kejiranan seperti seorang Muslim sentiasa dianjurkan untuk melakukan beberapa perkara terhadap jirannya seperti mengucapkan salam, tidak banyak menyoal, menziarahi ketika sakit, mengucapkan takziah apabila berlaku musibah, mengucapkan tahniah ketika mendapat kebaikan, turut bergembira atas kegembiraan jiran, memaafkan, tidak cuba melihat aurat jiran, tidak menjaga rumah jiran ketika tiada, tidak membuat bising, menundukkan pandangan, bergaul dengan anak-anak jiran dan turut membantu dalam urusan dunia dan akhirat. Kesemua perkara ini akan memberikan ketenangan dan kesejahteraan dalam keluarga Muslim.

Kesimpulannya, dalam konteks yang lebih luas kalimah ‘jiran yang baik’ juga boleh mewakili semua elemen kemasyarakatan, persekitaran atau sebarang jenis interaksi yang baik


Konsep Kesejahteraan Keluarga Menurut Hadis al-Sa'adah

bagi sebuah keluarga seperti kaum kerabat, kawan, tetamu, penduduk setempat, pimpinan masyarakat dan jemaah masjid. Kebiasaannya istilah persekitaran dan interaksi ini banyak dibahaskan dalam kajian sains sosial terutamanya dalam kajian kualiti hidup individu, keluarga, masyarakat mahupun negara.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kesejahteraan keluarga menurut hadis *al-Sa'adah* boleh diringkaskan seperti berikut:

Rajah 1: Empat Ciri Keluarga Sejahtera menurut Hadis *al-Sa'adah*



Terdapat empat aspek utama yang menjadi penyumbang ke arah kebahagiaan, kesejahteraan dan keselesaan hidup di dunia sebagaimana disebutkan dalam hadis *al-Sa'adah* iaitu wanita solehah, rumah yang lapang, tunggangan yang baik, dan jiran yang baik. Begitu juga dengan empat unsur penderitaan, kesengsaraan dan kerosakan dalam keluarga seperti wanita yang buruk, rumah yang sempit, tunggangan yang buruk dan jiran yang buruk. Keempat-empat ciri positif dan negatif yang disebutkan ini merangkumi aspek-aspek fizikal dan mental dalam sebuah keluarga.

Selain pengertiannya yang zahir, hadis-hadis ini juga boleh difahami dengan maksud-maksud yang lebih luas seperti individu-individu yang baik dalam keluarga, perumahan, persekitaran dalam rumah, persekitaran luar rumah, sistem pengangkutan, persekitaran dan

interaksi dengan masyarakat sekitar. Kesemua aspek yang disebutkan ini memainkan peranan yang sangat besar dalam membentuk kesejahteraan keluarga Muslim.

Kelemahan institusi keluarga ini akan memberikan implikasi yang besar terhadap sistem kekeluargaan dan sistem sosial sebuah masyarakat. Keadaan persekitaran dalam keluarga yang tidak kondusif secara tidak langsung akan menyebabkan ahli keluarga merasa tertekan seterusnya menyebabkan gejala sosial dalam masyarakat seperti masalah penagihan dadah (Ghazalli, F. S., 2018).

Hakikatnya, kesejahteraan dalam sebuah keluarga Islam perlu merangkumi aspek yang lebih besar dan terperinci lagi. Hadis-hadis ini hanya mendatangkan beberapa aspek fizikal dan mental sahaja. Pun begitu, ia sudah cukup membuktikan bahawa Islam adalah sebuah agama yang sangat syumul dengan aturan-aturan hidup lengkap dan sempurna. Kepincangan yang berlaku dalam institusi kekeluargaan Islam hari ini bukan berpunca daripada kekurangan yang ada pada syariat Islam sebaliknya berpunca daripada kelemahan yang ada pada individu-individu Muslim yang membentuk sebuah keluarga itu sendiri.

Penghargaan

Projek ini dibiayai di bawah Skim Geran Penyelidikan Nic (NRGS-KPM) UniSZA/NRGS/2013/RR057, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kuala Terengganu. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Pendidikan Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Penjara Marang dan Universiti Sultan Zainal Abidin di atas bantuan yang diberikan kepada projek ini.

Rujukan

- Abu Abdullah, Malik bin Anas. (1985). *Al-Muwaṭṭa'*. Beirut: Dar al-Āfāq al-Jadīdah.
- Al-‘Asqalāni, Aḥmad bin ‘Ali bin Ḥajar. (t.t.h.) *Hadyu al-Sāri Muqaddimah Fath al-Bāri*. Madinah: Maktabah al-Salafiyyah.
- Al-Hāshimi, Muḥammad ‘Ali. (2009). *Shakhṣiyah al-Muslimah Kamā Yasūghuha al-Islām fī al-Kitāb wa al-Sunnah*. Riyadh: Dār al-Baṣair al-Islāmiyyah.
- Al-Munāwi, ‘Abd al-Ra’ūf. (1937). *Fayd al-Qadīr Sharh al-Jāmi’ al-Saghīr*. Kaherah: Maktabah al-Tijāriah al-Kubra.
- Al-Nasā’i, Aḥmad bin Shu‘ayb. (1991). *Sunan al-Nasa’i*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Qāsimi, al-Sayyid Muḥammad Jamāl al-Dīn. (2006). *Maw’izah al-Mu’miñin min Ihya’ Ulūm al-Dīn*. Kaherah: Dār al-Ḥadīth.

Al-Sha'rāwi, Muhammad Mutawalli. (t.t.h). *Al-Bayt al-Muslim*. Kaherah: Maktabah al-Tawfiqiyah.

Al-Shāṭibi, *al-Muwāfaqāt*. (1997). ttp: Dār Ibn ‘Affān.

Al-Ṭahāwi, Abu Ja‘far. (1994). *Sharh Mushkil al-Āthār*. Beirut: Muassasah al-Risālah.

Al-Ṭawalbih, Muhammad ‘Abd al-Rahmān. (2000). *Al-Imam Muslim wa Manhajahu fi Sahihī*. Amman: Dar al-‘Ammār.

Ghazalli, F. S. M., Ghani, N. A., Abdullah, B., Chik, W. M. Y. W., & Zakaria, M. A. (2018). Cabaran Keluarga Dalam Membantu Pemulihan Penagih Opiat. *Asian People Journal (APJ)*, 1(1), 1-11.

Hamzah Ya’qub. 1980. *Tingkat Ketenangan dan Kebahagiaan Mukmin*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.

Ibn Manzūr, Abu Faḍl Muḥammad bin Makram. (2003). *Lisān al-‘órab*. Beirut: Dār al-Ṣādir. Majma‘ al-Lughah al-‘Arabiyyah. (1980). *Al-Mu‘jam al-Wajīz*. Kaherah: Dār al-Taḥrīr li al-Ṭaba‘ wa al-Naṣr.

Paizah Haji Ismail. (1991). *Asas Pembinaan Keluarga Islam*. Kuala Lumpur: Mahir Publications Sdn. Bhd.

Rif‘at Fawzi, Abd al-Muṭalib. (2008). *Al-Madkhal ila Manahij al-Muhaddisin: al-Asas wa al-Tatbiq*, Kaherah: Dar al-Salam.

Rohaizan bin Baru. (2016). Temubual dijalankan pada 9 Oktober 2016 jam 2.00 petang.

Sa‘īd Ḥawwa. (1988). *Qawānīn al-Bayt al-Muslim*. Kaherah: Muassasah al-Khalīj al-‘arabi.

Zaydān, ‘Abd al-Karīm. (2009). *Al-Wajīz fi Usūl al-Fiqh*. Beirut: Muassasah al-Risālah Nāshirun.